

Rumah dinaiki air jejasakan kemeriahan suasana raya

KULIM 17 Nov. – Hujan berterusan di kawasan ini sejak beberapa hari lalu menjejaskan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha sebahagian besar penduduk apabila rumah mereka dinaiki air.

Kira-kira 50 orang penduduk di Taman Sri Kulim dan Sungai Ular di sini terpaksa memindahkan barang-barang ke tempat lebih tinggi apabila air naik bermula petang semalam.

Banjir sedalam kira-kira 0.5 meter itu bagaimanapun surut semula kira-kira pukul 7.30 malam tadi.

Seorang penduduk, **Anissriman Ismail**, 31, berkata, hujan lebat bermula tiga hari lalu mengakibatkan air Sungai Tebuan melimpah masuk ke kawasan perumahan termasuk pekarangan Sekolah Kebangsaan (SK) Kulim.

“Pada mulanya air bercampur lumpur mula membanjiri jalan. Selepas itu, seluruh kawasan perumahan di Taman Sri Kulim digenangi air sedalam kira-kira 0.5 meter.

“Walaupun surut beberapa jam se-

lepas itu, namun persiapan untuk sambutan Hari Raya Aidiladha terjejas kerana penduduk terpaksa bertungkus-lumus membersihkan kawasan rumah yang dimasuki air serta lumpur,” katanya ketika ditemui di sini malam tadi.

Seorang lagi penduduk, **Abdul Rahman Ahmad**, 29, mendakwa, kejadian banjir kilat sering berlaku di kawasan tersebut terutama apabila hujan lebat berterusan beberapa hari.

Katanya, tahun ini sahaja sudah dua kali banjir kilat melanda kawasan perumahan itu.

“Banjir kilat ini berpunca daripada sungai yang menjadi cetek dan tidak dapat menampung kapasiti air,” katanya.

Abdul Rahman berharap pihak berkuasa dapat melakukan sesuatu agar masalah itu dapat diselesaikan segera.

“Penduduk di sini sudah tidak tahan lagi berdepan dengan masalah banjir kilat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diharap mempercepatkan kerja-kerja membina tebing dan mengorek dasar sungai,” jelasnya.